

**TEKS UCAPAN**

**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK  
PERDANA MENTERI MALAYSIA MENYEMPURNAKAN  
PIDATO ANTARABANGSA BAHASA MELAYU  
PIALA PERDANA MENTERI 2014  
PADA 25 APRIL 2014 (JUMAAT), JAM 8.25 MALAM  
DI DEWAN BESAR PUSAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

---

*(Muka surat ini disengajakan kosong)*

Bismillahirahmanirrahim

Assalamualaikum

warahmatullahi

wabarakatuh dan Salam 1Malaysia

Yang Amat Berhormat, Tan Sri Dato' Haji  
Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan  
Perdana Menteri merangkap Menteri  
Pendidikan serta Yang Amat Berbahagia  
Puan Seri Datuk Paduka Hajjah Norainee  
Abdul Rahman,

Yang Berhormat Dato' Seri Idris Jusoh,  
Menteri Pendidikan II dan YBhg. To' Puan  
Che Kamariah Zakaria,

Yang Berhormat Timbalan-timbalan Menteri  
Pendidikan,

Tuan Yang Terutama Duta-duta  
dan Pesuruhjaya Tinggi Asing di Malaysia,

Yang Berbahagia Dato' Seri Ir. Dr. Zaini  
Ujang, Ketua Setiausaha II, Kementerian  
Pendidikan merangkap Pengerusi  
Jawatankuasa Induk Pidato Antarabangsa  
Bahasa Melayu,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti-  
Universiti,

Naib-naib Canselor,

Pegawai-pegawai Kanan Kementerian

Pendidikan Malaysia,

Para Panel Juri,

Para peserta Pertandingan Pidato dari seluruh dunia,

Tuan-tuan dan puan-puan, yang dihormati sekalian.

1. Memulakan bicara izinkan saya merafakkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka kita dapat bersama-sama dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu bagi Tahun 2014.
2. Alhamdulillah, pertandingan yang memasuki edisi ke-8 ini, ternyata sudah menjadi salah satu agenda utama, dalam takwim tahunan Kementerian Pendidikan dalam memartabatkan bahasa Melayu di pentas dunia.

Apa yang lebih bererti, inilah satu-satunya acara pidato bahasa Melayu yang dipertandingkan pada peringkat antarabangsa.

3. Hakikatnya, saban tahun, pentas Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu atau PABM ini, berhasil mencungkil ramai pemidato bahasa Melayu dari luar negara. Semestinya, saya amat suka cita, apabila dimaklumkan jumlah peserta meningkat kepada 80 orang dari 72 buah negara, berbanding dengan 24 orang peserta ketika ia mula diperkenalkan dahulu.

4. Justeru, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekalung tahniah dan setinggi penghargaan kepada penganjur, yakni Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan, atas usaha mulia ini dalam memeta dan merealisasikan matlamat ‘pengantarabangsaan bahasa Melayu’ di persada dunia.

Menyedari kata-kata hikmat Pendeta Zaaba yang pernah menyebut, “patutlah bahasa Melayu dilayakkan dari selangkah ke selangkah bagi penggunaan lebih maju, lebih besar dan lebih tinggi pula”, usaha murni sebegini tidak seharusnya kita noktahkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

5. Sesungguhnya, pertandingan ini bukanlah semata-mata mahu mencari siapa yang paling petah berbicara.

Malahan, ia menjadi platform atau wadah untuk kita mengangkat intipati bahasa dan bangsa Melayu itu sendiri, supaya terus kekal bitara dan relevan dalam arus globalisasi sampai bila-bila.

6. Makanya diharapkan, pada saban tahun, dengan penganjuran PABM ini mampu mengangkat martabat bahasa Melayu bukan hanya sekadar bahasa ilmu, malahan menjadi satu bahasa pengikat silaturrahim di kalangan sesama manusia yang berbeza budaya.

Di samping itu juga, para peserta berpeluang untuk menyelami adat resam, tatacara dan ciri-ciri kehidupan orang Melayu.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

7. Jika kita menelusuri sejarah ketamadunan, tersebar luasnya bahasa Melayu sehingga dipelajari oleh penutur dan orang asing, bermula seawal kurun ke-15, apabila Dinasti Ming di China menubuhkan jabatan bahasa asing yang turut merangkumi bahasa Melayu.

Manakala, usaha orang Barat seperti yang dirintis oleh Antonio Pigafetta dengan penyusunan daftar kata Itali-Melayu pada abad ke-16. Ini diikuti pula usaha menyusun buku pelajaran bahasa Melayu oleh Belanda pada abad ke-17, semakin menyemarakkan proses pendidikan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa.

8. Terbukti, bahasa Melayu kini diangkat sebagai bahasa kelima terbesar di dunia, dengan lebih 300 juta orang penutur.

Malah, Profesor Wu Zungyu tokoh bahasa terkemuka dari Beijing Foreign Studies University, China turut mengakui bahawa bahasa Melayu berada pada kedudukan keempat dari segi jumlah penuturnya di serata dunia.

9. Ini memberi gambaran yang jelas bahawa bahasa Melayu sudah pun mempunyai pengaruh dan peranan yang signifikan dalam mewarnai landskap tamadun dunia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

10. Sebenarnya, usaha  
memartabatkan bahasa Melayu sebagai  
bahasa dunia memerlukan perancangan  
yang cukup rapi dan teliti.

Kerana sebelumnya, akibat kesan  
penjajahan, hampir memadamkan  
sebahagian kegemilangan bahasa  
Melayu di negara ini.

11. Dalam konteks Malaysia, kita sudah pun mulainya, dengan langkah para pendahulu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan sepetimana yang terkandung dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan, dan menjadi lambang perpaduan bagi rakyat Malaysia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Hadirin Sekalian,

12. Semestinya, sebagai Kerajaan yang berwibawa, kita akan terus memastikan bahasa Melayu terus menjadi bahasa perdana di tanahair ini.

Walaupun ruang diberikan kepada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain, Kerajaan tidak akan berganjak untuk terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi pendidikan di negara ini pada semua peringkat.

13. Oleh sebab itulah, pada tahun 2011, Kabinet Malaysia meluluskan hasrat Kementerian Pendidikan, yang pada ketika itu merupakan Kementerian Pengajian Tinggi, untuk memperkenalkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu

sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi, di mana tumpuan utamanya untuk meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa global setanding dengan bahasa Inggeris dan bahasa utama lain.

14. Semestinya lagi, saya pasti idea mewujudkan pelan tindakan ini cukup baik dan tepat pada waktunya ketika kerajaan sedang giat memartabatkan bahasa Melayu kepada darjat yang sepatutnya,

sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan, yang berdaya saing di dalam aspek kenegaraan sekaligus keantarabangsaan.

15. Dengan demikian, kerajaan yakin bahawa usaha ini dapat menyumbang kepada pembangunan bahasa Melayu yang berterusan pada peringkat antarabangsa serta memberikan ruang yang lebih luas untuk bahasa Melayu berkembang ke seluruh pelosok dunia.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

16. Meskipun pada masa ini bahasa Melayu belum sampai ke tahap bahasa antarabangsa yang tersohor separtimana bahasa Inggeris, namun ia tetap mempunyai kedudukan dan keunikannya tersendiri dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia, sehingga memang ada keperluan pengajarannya kepada penutur asing sekalipun tidak seluas keperluan pengajaran bahasa Inggeris.

17. Sebenarnya, semangat untuk memperkasa dan membuatkan bahasa Melayu yang kita laksanakan ini, merupakan kesinambungan kepada kisah kemasyhurannya yang pernah dicapai pada suatu ketika dahulu. Ikhtiar kita kini lebih merupakan salah satu kaedah untuk menjadikan bahasa Melayu bertaraf supranasional dan antarabangsa supaya ia mekar dan subur bukan sahaja di bumi Malaysia, malah hingga ke seluruh dunia.

## **CADANGAN PENGUMUMAN**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

18.     **Selanjutnya, saya dimaklumkan bahawa Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia akan menawarkan Biasiswa Antarabangsa kepada ketiga-tiga pemenang PABM kategori antarabangsa bagi melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah setelah mereka memenuhi syarat-syarat akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam.**

19. Selain itu, seperti yang telah saya sebutkan pada awal ucapan sebentar tadi, PABM ini telah berjaya menarik minat ramai peserta dari seluruh dunia. Lantaran itu, melihat kepada sambutan yang memberangsangkan ini, saya dimaklumkan terdapatnya permintaan daripada pelajar-pelajar antarabangsa yang sedang menuntut di Malaysia, berkeinginan untuk turut serta menyertai pertandingan ini.

**20. Dalam hal ini, saya difahamkan telah diusulkan sebuah cadangan yang menarik yakni satu format baru diperkenalkan dalam Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu dengan mewujudkan satu lagi kategori iaitu, “Kategori Pelajar Antarabangsa yang menuntut di IPT Malaysia”. Dengan adanya kategori tersebut, diharapkan ia mampu memeriahkan lagi pertandingan pidato ini. Ia juga secara tidak langsung akan mengiktiraf Malaysia untuk dijadikan sebagai hub pengajian bahasa Melayu dunia.**

## **PENUTUP**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,

21. Di atas segalanya, saya berdoa dan berharap agar Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu ini akan terus meningkat mutu dan manfaatnya dari masa ke semasa.

*Yang merah itu saga,*

*Yang putih itu salju,*

*Yang baik itu budi bahasa,*

*Yang indah itu bahasa Melayu.*

*Anak muda pulang ke desa,*

*Seloka gurindam menjadi warisan,*

*Bahasa kita jatidiri bangsa,*

*Nadi pengantara zaman berzaman.*

22. Akhir kalam, dengan lafaz kalimah  
suci Bismillahirrahmanirrahim, saya  
dengan sukacitanya merasmikan Majlis  
Pertandingan Akhir Pidato  
Antarabangsa Bahasa Melayu Piala  
Perdana Menteri 2014.

Sekian, Wabillahi taufik walhidayah  
wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.

*(Muka surat ini disengajakan kosong)*